

**NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA**

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

**PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN  
BERIKUTAN KERJA-KERJA PENGALIHAN & PENYAMBUNGAN PAIP PADA 13 JUN 2023**

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

**Tarikh :** 13 Jun 2023 (Selasa)  
**Masa :** 8.00 pagi (13 Jun 2023) – 8.00 pagi (14 Jun 2023)

| Maklumat kerja                                                                                                                                                  | Kawasan terlibat                                                                                                                                                                                                                         | Langkah kontigensi                                                                                                                                                                                                             |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <u>Lokasi:</u><br>Jalan Bukit Tembok,<br>Seremban<br><br><u>Jenis kerja:</u><br>Kerja-kerja pengalihan<br>dan penyambungan<br>paip bersaiz 150 mm<br>dan 400 mm | <b>Seremban:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Bandar Seremban</li><li>Lobak</li><li>Jalan Temiang</li><li>Jalan Templer</li><li>Lake Garden</li><li>Jalan Dato' Klana Makmur</li><li>Bukit Tembok dan kawasan sekitar</li></ul> | Pengambilan air melalui lori tangki yang di sewa oleh pihak industri di 'Water Feeder Station' di <b>Pejabat Operasi SAINS Ngoi-ngo</b><br><br>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan) |

- **Langkah Kontigensi akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan).**
- **Pihak INDUSTRI hendaklah mengemukakan surat permohonan pengambilan air lebih awal kepada pihak SAINS dengan menyatakan jumlah trip dan kapasiti lori tangki yang disewa. Caj jumlah isipadu air yang diambil akan dikenakan mengikut kadar semasa.**
- **Lori tangki yang disewa oleh pihak INDUSTRI untuk mengambil air di 'Water Feeder Station' yang ditetapkan oleh pihak SAINS hendaklah terjamin kebersihan daripada sebarang pencemaran bagi memastikan kualiti air yang dibekalkan oleh SAINS tidak terjejas. Sebarang perubahan pada kualiti air SAINS akibat dari keadaan lori tangki yang disewa yang tidak mematuhi standard kualiti kebersihan dari pihak SAINS adalah dibawah tanggungjawab pihak INDUSTRI.**

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami ditalian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

**AZLY BIN AZAHARI**  
Komunikasi Korporat  
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.